

AL-HIKMAH

Jilid	14	ISSN 1985-6822	2022M
No.	1		1443 H

- PENDEKATAN HEUTAGOGI: PERSEPSI MURID TERHADAP PENTAKSIRAN RAKAN SEBAYA ... 3-20
Noor Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman
- PENAGIHAN DADAH DALAM KALANGAN BELIA DAN IMPAKNYA TERHADAP PSIKOLOGI IBU BAPA ... 21-36
Mohd Farid Mohamad Japeri, Abu Dardaa Mohamad & Khazri Osman
- TINJAUAN AWAL TERHADAP PENGGUNAAN ILMU PERBANDINGAN AGAMA DALAM DAKWAH DI MALAYSIA ... 37-52
Aemy Elyani Mat Zain & Jaffary Awang
- DAKWAH MELALUI PENDEKATAN USRAH TERHADAP PEMBANGUNAN INSAN MAHASISWA... 53-69
Mohd Muqrie Mohd Sopi & Siti Jamiaah Abdul Jalil
- PELAKSANAAN TARBIYAH AL-RUHIYAH DI BAHAGIAN DAKWAH, JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (JHEAT)...70-83
Siti Nabilah Mohd Fadli & Anuar Puteh

Penagihan Dadah Dalam Kalangan Belia Dan Impaknya Terhadap Psikologi Ibu Bapa

Drug Addiction Amongst Youth and Its Impact on Parents Psychology

MOHD FARID MOHAMAD JAPERI, ABU DARDAA MOHAMAD &
KHAZRI OSMAN

ABSTRAK

Penyalahgunaan bahan dan penagihan dadah adalah salah satu fenomena buruk yang sudah berlarutan agak lama di seluruh dunia. Perkembangan mengenainya semakin membimbangkan apabila golongan belia dan pelajar juga tidak terlepas daripada terlibat sama. Perangkaan yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan menunjukkan terdapat peningkatan kes penyalahgunaan bahan dalam kalangan belia. Penyalahgunaan bahan bukan sahaja merosakkan masa depan para belia, bahkan sekaligus memberi kesan yang buruk terhadap ibu bapa mereka. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan bagi menggali fenomena penyalahgunaan bahan dalam kalangan belianya serta kesannya terhadap psikologi ibu bapa. Hasil kajian menunjukkan ibu bapa yang terlibat dengan kes penagihan daripada kalangan anak-anak mereka terganggu emosi sehingga mengalami masalah kurang motivasi, malu dengan masyarakat, penyesalan, penafian dan menyalahkan diri sendiri.

Kata kunci: *Penyalahgunaan bahan, Dadah, Ketagihan, Remaja, Ibu bapa, Psikologi*

ABSTRACT

Substance abuse and drug addiction is one of the worst phenomena that has been lingering for quite some time around the world. Developments about it are becoming more worrying when the youths and students are also involved. Statistics released by the National Anti-Drug Agency show there is an increase in substance abuse cases among youths. Substance abuse not only damages the future of the youth, but also has a detrimental effect on their parents. This study was conducted qualitatively with a content analysis design to explore the phenomenon of substance abuse among adolescents and its impact on parents' psychology. The results of the study show that parents who were involved in cases of addiction among their

children were emotionally disturbed to the point of experiencing problems of lack of motivation, embarrassment with society, remorse, denial and self-blame.

Keywords: *Substance Abuse, Drug, Addiction, Youth, Parents, Psychology*

Received: 28 April 2022

Revised: 12 June 2022

Accepted: 20 June 2022

Published: 30 June 2022

PENDAHULUAN

Penagihan dadah adalah suatu fenomena buruk yang telah berpanjangan di seluruh dunia dan negara Malaysia tidak terlepas daripada bencana ini. Laporan tahunan daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan trend peningkatan kes penagihan pada setiap tahun. Paling membimbangkan ialah generasi muda termasuk remaja juga banyak terlibat dengan kes penagihan baharu yang amat serius.

Kesan buruk daripada penagihan dadah bukan sahaja tertakluk kepada penyalahguna dadah itu sendiri, bahkan kepada keluarga, rakan taulan, masyarakat dan negara. Antara mangsa penagihan yang perlu dibantu ialah ibu bapa penagih. Ini kerana ibu bapa penagih orang yang paling dekat dengannya serta bertanggungjawab dalam pendidikan dan gaya hidup anak-anak. Kesan daripada penagihan oleh anak, ibu bapa sering mendapat kesan psikologi yang buruk. Ibubapa ini merupakan kumpulan yang sering tercicir untuk dibantu yang turut menerima kesan psikologi jika anak mereka terlibat dengan penagihan dadah. Oleh itu kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti kesan psikologi ibu bapa bagi anak-anak yang terlibat dengan penagihan dadah serta cadangan penyelesaiannya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan dengan reka bentuk analisis kandungan. Pengkaji mengumpulkan data dengan menggali bahan-bahan kajian yang sedia ada tentang fenomena penagihan dalam keluarga terutamanya golongan belia serta kesannya terhadap ibu bapa khususnya daripada sudut psikologi dan tindak balas tingkah laku apabila anak-anak terlibat dengan penagihan dadah. Kemudian pengkaji meneliti dan mengeluarkan tema kesan penagihan anak-anak khususnya belia terhadap psikologi ibu bapa.

PENAGIHAN DADAH DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA

Golongan Belia berumur 19 sehingga 39 tahun adalah golongan yang mencatatkan peratusan yang tertinggi sebagai penyalahguna bahan dan penagih dadah serta iaitu sebanyak 68.1 peratus daripada keseluruhan jumlah penagih dadah dan penyalahguna bahan. Dua kategori umur menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 iaitu bagi kategori umur belia dan dewasa dengan masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 6.7 peratus dan 19.9 peratus. Manakala bagi kanak-kanak dan remaja mencatatkan penurunan sebanyak 50.0 peratus dan 33.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (AADK 2019).

Kategori dadah yang digunakan pula menunjukkan peningkatan dalam semua jenis dadah dengan Amphetamine-Type Stimulants (ATS) masih kekal sebagai dadah yang paling banyak disalahgunakan pada tahun 2019. Seramai 91,684 orang penyalah guna dan penagih dadah dan bahan menyalah guna dadah jenis ATS, diikuti dengan dadah jenis Opiat seramai 43,545 orang. Trend penagihan dadah jenis ATS adalah amat membimbangkan kerana majoriti pengguna ATS adalah dalam kalangan generasi muda yang bakal menjadi barisan pelapis negara di masa hadapan iaitu golongan remaja (13-18 tahun) dan belia (19-39 tahun) dengan catatan masing-masing sebanyak 86.0 peratus dan 72.2 peratus berbanding keseluruhan penagih dadah (AADK 2019)

Setiap bulan purata 315 kanak-kanak dan remaja dikesan terbabit dalam kes penyalahgunaan dadah dan bahan di Malaysia (Utusan Malaysia 2020). Mengikut statistik Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam tempoh tiga tahun semenjak 2018 sehingga Jun 2021 yang lalu, peningkatan golongan remaja juga adalah tiga kali lebih tinggi berbanding daripada golongan dewasa. Senario remaja yang terlibat dengan dadah dan jenis kategori dadah yang digunakan seperti yang dinyatakan menunjukkan betapa gentingnya kes remaja yang terlibat dengan penagihan dadah di negara ini.

Remaja adalah golongan yang pada kebiasaanya mereka yang melepasi zaman kanak-kanak. Remaja merupakan transisi antara kanak-kanak dan dewasa yang kebiasaanya berumur 12 sehingga 18 tahun (Anuar Puteh 2001). Ada pula yang mendefinisikannya kepada 12 hingga 21 bagi perempuan, dan 14 hingga 25 bagi lelaki (Curtis 2015). Pada umur ini mereka melalui pelbagai bentuk transisi termasuk kehendak seksual dan pemikiran. Transisi seksual dikenali menerusi peristiwa baligh. Terdapat kanak-kanak yang mencapai umur baligh lebih awal, berdasarkan tanda-tanda baligh seperti keluar air mani apabila dia bermimpi bagi kanak-kanak lelaki dan keluar darah haid bagi kanak-kanak perempuan. Dalam masa

yang sama, transisi pemikiran memainkan peranan yang tidak kurang penting dalam kehidupannya dan ini menjadi keunikan manusia kerana ia mampu mencorakkan perkara tersebut (Logan & Tandoc 2018)

Justeru, remaja merupakan salah satu peringkat dalam proses perkembangan manusia. Ia merupakan peringkat peralihan antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Peringkat perkembangan ini merangkumi aspek fizikal seperti perubahan pada tubuh badan dan aspek psikologi seperti perubahan mental dan emosi. Perubahan yang berlaku kepada aspek fizikal dan psikologi ini pula, akan turut mempengaruhi perkembangan sosial dan moral individu.

Remaja Berisiko Dan Penyalahgunaan Bahan

Risiko ialah kemungkinan menemui bahaya, kerugian atau kecederaan. Istilah berisiko pula bermaksud diancam oleh kemungkinan kerugian, kegagalan dan dalam keadaan bahaya (Kamus Dewan Edisi Keempat). Remaja berisiko ialah remaja yang mempunyai potensi untuk terlibat dalam masalah sosial kerana pelbagai faktor seperti faktor persekitaran, keluarga, sosio-ekonomi dan peribadi. Remaja perlu diberi bimbingan dari sudut spiritual untuk melindungi mereka daripada terlibat dengan gejala sosial (Fariza Md Sham 2015). Kesalahan undang-undang dan tindakan di luar batasan dalam masyarakat oleh remaja juga merupakan ciri-ciri remaja berisiko. Tingkahlaku yang salah di sisi undang-undang atau norma masyarakat atau berada dalam suasana persekitaran yang boleh mendorongnya untuk melibatkan diri dalam perbuatan yang salah merupakan ciri-ciri yang boleh dikategorikan sebagai remaja berisiko (Ismail 2017).

Kecenderungan remaja yang berisiko ini untuk terlibat dengan masalah dadah dan penyalahgunaan bahan adalah amat tinggi. Faktor risiko yang dikenal pasti menyumbang kepada masalah penagihan dadah dalam kalangan remaja ialah lemahnya jati diri individu, keinginan untuk berseronok, tekanan jiwa, longgarnya pegangan agama, mempunyai daya tahan yang rendah, rapuhnya nilai pegangan moral di dalam diri, berdepan dengan pelbagai bentuk tekanan hidup dan masalah dalam keluarga (Rosni Wazir et al. 2020).

Fenomena Penagihan Dadah Dalam Keluarga

Menurut Utusan Malaysia bertarikh 27 April 2021: Satu Keluarga Satu Penagih, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, CP Dato' Razarudin Hussain berkata salah guna dadah dilihat tidak akan selesai sebaliknya terus kritikal apabila setiap keluarga di negara ini

dikhuatiri bakal mempunyai seorang yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah menjelang 2029. Kajian Institut Keselamatan Awam (IPSOM) Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama Universiti Teknologi Malaysia mendapati, dalam tempoh lapan tahun akan datang, negara akan merekodkan seramai 2.5 juta penagih dengan purata penggunaan 319,400 kilogram (kg) dadah yang dianggarkan bernilai RM16 bilion. Gejala penyalahgunaan dadah yang semakin serius itu dilakukan secara berkumpulan dengan nisbah penagih dalam komuniti kini adalah 1:7 orang bermakna jumlah sebenar penagih sudah lebih tiga juta.

Atas dasar tahap keseriusan berdasarkan maklumat di atas pendidikan anak yang pertama dan paling utama dalam islam adalah pendidikan dalam keluarga yang berperspektif islam. Pendidikan dalam keluarga yang berperspektif islam adalah pendidikan yang didasarkan pada tuntutan agama islam yang diterapkan dalam keluarga yang dimaksudkan untuk membentuk anak agar menjadi manusia yang beriman dan bertaqwa kepada tuhan yang maha esa, serta berakhlak mulia yang mencakup etika, moral, budi pekerti, spiritual atau pemahaman dan pengalaman nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sehari-hari.

Rasulullah contoh ikutan yang baik. Baginda adalah seorang suami, ayah, kawan, pemimpin yang memberi contoh teladan yang terbaik. Setiap gerak-geri, tingkah laku dan kata-kata baginda adalah selari dengan Al-Quran. Pola atau metode pendidikan agama dalam islam pada dasarnya mencontoh pada perilaku Nabi Muhammad SAW dalam membina keluarga dan sahabatnya. Segala apa yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW merupakan manifestasi dari kandungan al- Qur'an (Mufatihatus Taubah 2016).

Keibubapaan atau parenting hari ini tidak sama dengan zaman dahulu. Perubahan yang mendadak di dalam keadaan hidup kita ibarat tsunami yang memberi kesan bukan sahaja tentang corak pekerjaan kita, malah apa yang berlaku di rumah kita. Anak-anak zaman ini mempunyai ciri-ciri perwatakan yang juga berbeza. Setiap lapisan masyarakat perlu menguasai kemahiran keibubapaan yang berkesan bagi kerangka pembentukan generasi yang terpuji lagi dirahmati dan pelbagai pendekatan perlu dikaji dan diteliti untuk memperkayakan lagi korpus ilmu dalam bidang ini (Manap & Baba 2016).

KESAN PENAGIHAN DADAH ANAK-ANAK TERHADAP PSIKOLOGI IBU BAPA

Keterlibatan anak-anak dalam penagihan dadah memberi kesan kepada psikologi ahli keluarga khususnya ibubapa. Antara kesan psikologi yang

dialami oleh ibubapa yang mempunyai anak yang terlibat dengan ketagihan dadah antaranya ialah seperti berikut.

Kurang Motivasi Diri

Penerimaan ibu bapa bagi anak-anak yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah banyak menyebabkan tahap motivasi ibu bapa berada ditahap yang rendah. Kebanyakan ibu bapa yang berdepan dengan kaunselor berkongsi perasaan akan rasa penyesalan seperti merasa adakah disebabkan perhatian yang kurang atau ada bahagian yang penting dalam perkembangan anak sehingga boleh terjerumus ke kancah penagihan dadah. Ada juga ibu bapa yang kurang bermotivasi dengan banyak menghabiskan masa bersendirian, banyak termenung, kerap menangis atas perbuatan anaknya selain sentiasa menolog sendirian kerana memikirkan masa depan anak di kemudian hari dan buntu mencari jalan keluar untuk membantu anak dari terus jauh. Rata-rata sikap ini, banyak berlaku kepada ibu berbanding bapa.

Bagi Pemulihan anak yang terlibat dengan penagihan dadah Motivasi daripada ibu bapa merupakan elemen yang sangat penting kepada anak-anak, banyak kajian dan pakar yang menyebut perkara ini, bantuan luaran dan motivasi keluarga diperlukan oleh penagih sebagai sokongan untuk terus berubah (Ghazalli et al. 2018). Proses rawatan dan pemulihan memerlukan motivasi dalam dan luar (keluarga) bagi memastikan kepulihan itu berjaya (Norazleen Mohamad Noor & Nurafifah Kamarudin 2015). Sokongan dan dorongan keluarga memberi pengaruh yang sangat penting dalam kehidupan anak-anak (Abu Hassan & Abd. Hamid 2017).

Penulis	Pendekatan Psikologi Dakwah Terhadap Ibu Bapa (Kurang Motivasi Diri)	Ulasan
(Ghazalli et al. 2018)	Pemulihan ini tidak hanya memerlukan motivasi diri penagih malah sokongan keluarga juga diperlukan sebagai bantuan luaran .	Bantuan luaran dan motivasi keluarga diperlukan oleh penagih sebagai sokongan untuk terus berubah.
(Norazleen Mohamad Noor & Nurafifah Kamarudin 2015)	Motivasi sama ada dalam atau luaran memainkan peranan penting dalam proses rawatan pemulihan dadah.	Proses rawatan dan pemulihan memerlukan motivasi dalam dan luar (keluarga) bagi memastikan kepulihan itu Berjaya.

(Abu Hassan & Abd. Hamid 2017)	keluarga merupakan orang yang boleh memberi pengaruh yang kuat dalam kehidupan. Tanpa keluarga kehidupan tidak begitu bermakna kerana mereka boleh memberi sokongan dan dorongan yang amat berguna.	Sokongan dan dorongan keluarga memberi pengaruh yang sangat penting dalam kehidupan anak2.
--------------------------------	---	--

Perasaan Malu

Ibu bapa seharusnya bertanggungjawab tidak ‘sorok’ jika anak terlibat dengan masalah penagihan dadah sebaliknya mengutamakan kebajikan, dan bantu mereka keluar dari kemelut ini. Sebagai ibu bapa yang prihatin dan bertanggungjawab, sekiranya ada di antara anak mereka yang memiliki anak yang terlibat dengan dadah, janganlah disorokkan. Mereka juga insan biasa yang hanya terpesong jalan mencari keseronokan dan jika masih baru terlibat haruslah dibantu untuk beri mereka peluang untuk membetulkan kesilapan mereka. Jika perkara ini diteruskan, sakit yang sikit akan menjadi parah. Yang mana kita tahu, bahawa dalam masalah penagihan dadah wujud *tolerens* dan menyukarkan lagi proses membantu kepada kepulihannya.

Perasaan malu yang dihadapi oleh ibu bapa yang mempunyai anak penagih dadah adalah lumrah kepada ibu bapa yang mempunyai anak terlibat dengan penagihan dadah, walau bagaimanapun sifat malu ini jika diterapkan kepada anak-anak ia boleh menjadi pendinding anak tidak terlibat dengan perkara yang tidak baik. Perasaan malu merupakan akhlak yang sangat baik dalam perspektif islam bagi menangani masalah sosial (Rezki Perdani Sawai Syaidatun Nazirah Abu Zahrin Sidek Mohd Noah Rumaya Juhari Steven Eric Krauss 2019). Malu merupakan mekanisme pembendung diri daripada melakukan tingkah laku yang tidak baik, sebagai kesantunan dan lambang kehidupan bermoral serta sebagai maruah dan kehormatan diri dan bangsa dalam masyarakat Melayu (Zarina Muhammad et al. 2019). Sifat malu merupakan perasaan hina kerana melakukan penyelewengan atau kesalahan adalah bersesuaian dengan nilai-nilai islam yang telah dipupuk dalam masyarakat Melayu (Norazimah Zakaria et al. 2017).

Penulis	Pendekatan Psikologi Dakwah Terhadap Ibu Bapa (Perasaan Malu)	Ulasan
(Rezki Perdani Sawai Syaidatun Nazirah Abu Zahrin Sidek Mohd Noah Rumaya	Implikasi kajian ini adalah berkaitan dengan pemahaman tentang akhlak percintaan dan rasa malu dari perspektif Islam amat	Perasaan malu merupakan akhlak yang sangat baik dalam perspektif islam bagi menangani masalah sosial.

Juhari Steven Eric Krauss 2019) (Zarina Muhammad et al. 2019)	relevan dalam menangani masalah sosial. Sifat malu dalam masyarakat Melayu turut mempunyai kedudukan sebagai mekanisme pembendung diri daripada melakukan tingkah laku yang tidak baik, sebagai kesantunan dan lambang kehidupan bermoral serta sebagai maruah dan kehormatan diri dan bangsa.	Malu merupakan mekanisme pembendung diri daripada melakukan tingkah laku yang tidak baik, sebagai kesantunan dan lambang kehidupan bermoral serta sebagai maruah dan kehormatan diri dan bangsa dalam masyarakat melayu.
(Norazimah Zakaria et al. 2017)	Konsep malu yang dipupuk dalam masyarakat Melayu adalah bersesuaian dengan nilai-nilai Islam, iaitu perasaan hina kerana melakukan penyelewengan atau kesalahan.	Sifat malu merupakan perasaan hina kerana melakukan penyelewengan atau kesalahan adalah bersesuaian dengan nilai-nilai islam yang telah dipupuk dalam masyarakat Melayu.

Penyesalan

Perjalanan waktu sebagai ibu bapa berjalan dengan cepat dan tidak dapat dikembalikan kenangan membesarkan anak-anak dengan sempurna. Dengan desakan keperluan kerja dan harian, ramai ibu bapa yang culas memastikan perkembangan anak tersusun dan baik dan anak-anak sendiri dibiarkan menjaga diri dan berdikari. Jika betul amanat yang diberi, dan anak laksanakan dengan baik bertuahlah ibu bapa tersebut. Jika tersasar, maka hanyutlah anak tersebut. Dan apabila anak dewasa dan mulai terlihat perlakuannya, maka wujudlah penyesalan kepada ibu bapa yang akan merasa sedih dan berkata pada diri "mana silap aku menjaga anak ku selama ini". Rata-rata sewaktu kaunseling, ramai ibu bapa akan menyuarakan ayat seperti ini. Dan akhir jawapannya, semua silap pilih kawan, kerana kawan iaitu ibu bapa terlalu sibuk dengan tugas dan kerja di luar sehinggakan tiada masa untuk memberikan masa berkualiti kepada anak.

Menyesal atau insaf melihat anak yang terlibat dengan penagihan dadah akan memberi kesan yang lebih teruk kepada anak. Penyesalan dan kadangkala bercampur dengan kemarahan oleh ibu bapa terjadi kerana perlakuan mereka sendiri yang pada akhirnya membawa kepada hukuman kepada anak (Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri 2017). Banyak program yang dijalankan oleh pihak kerajaan khususnya kepada ibu bapa untuk menguruskan anak yang terlibat dengan penagihan dadah. Program

pendidikan pencegahan dadah bertujuan untuk memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada murid, guru, kakitangan sokongan dan ibu bapa agar mereka sedaya upaya menjauhi dan menentang ancaman dadah (Aisyah binti Abdullah 2017).

Penulis	Pendekatan Psikologi Dakwah Terhadap Ibu Bapa (Penyesalan Diri /Insaf)	Ulasan
(Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri 2017)	Sebagai ibu bapa, ada kalanya perasaan kesal menghampiri kerana kelakuan mereka. Perasaan kesal ini juga kadangkala bercampur dengan kemarahan yang pada akhirnya membawa kepada hukuman kepada anak.	Penyesalan dan kadangkala bercampur dengan kemarahan oleh ibu bapa terjadi kerana perlakuan mereka sendiri yang pada akhirnya membawa kepada hukuman kepada anak.
(Aisyah Binti Abdullah 2017)	Program pendidikan pencegahan dadah adalah unsur-unsur pencegahan yang lebih baik daripada rawatan. Hal ini juga bertujuan untuk memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada murid, guru, kakitangan sokongan dan ibu bapa agar mereka sedaya upaya menjauhi dan menentang ancaman dadah.	Program pendidikan pencegahan dadah bertujuan untuk memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada murid, guru, kakitangan sokongan dan ibu bapa agar mereka sedaya upaya menjauhi dan menentang ancaman dadah.

Penafian

Anak yang terlibat dengan masalah ini boleh menjalani kehidupan seperti biasa, mempunyai masa depan cerah malah berpotensi menjadi pemimpin berkaliber. Namun, impian itu tidak mungkin menjadi kenyataan andai ibu bapa bersikap ‘menafikan’ atau sukar menerima hakikat anak mereka adalah seorang penagih dadah.

Sebenarnya penafian ini memberi kesan tidak baik hingga mereka lambat bertindak dalam mendapatkan rawatan dan pemulihan untuk anak dan menjadikan anak menjadi lebih parah. Ini antara senario sering berlaku dalam kalangan ibu bapa dan apabila anak makin teruk, buntu mencari jalan keluar.

Sebenarnya, jika hal ini memberikan masalah ibu bapa perlu sedar jika bantuan diberikan secara pantas dan tepat, anak boleh dirawat dengan sesi bimbingan dan kaunseling serta bantuan kelompok-kelompok *survival*

yang ada untuk memberikan gambaran keparahan dadah jika tidak dicegah dari awal. Bagaimanapun proses kebimbangan lebih mudah sebaik bertemu ibu bapa senasib, meluahkan perasaan dan berkongsi pengalaman selepas menyertai sesi *Family Assosiation (FA)* dan boleh sama-sama berkongsi jalan atau panduan untuk membimbing anak yang terlibat dengan dadah ini. Secara tidak langsung dapat merubah pandangan malah lebih berkeyakinan selepas memahami teknik mengawal emosi selain mempelajari cara berkesan mendapatkan terapi kepulihan untuk anak.

Penafian oleh pihak ibubapa yang anak yang terlibat dengan penagihan dadah sering terjadi, keluarga akan melahirkan perasaan marah terhadap ahli keluarga yang lain di fasa penafian atau ketidakpercayaan terhadap situasi sebenar yang berlaku dalam keluarga (Aisyah Binti Abdullah 2017) ibu bapa yang mempunyai masalah ini perlu dibantu . Kaunselor, pekerja sosial mahupun individu boleh membantu keluarga di tahap penafian (*denial*) ini untuk melakukan perubahan supaya penyelesaian kepada masalah yang berkesan (Sarnon, N., Mohamad, M. S, Fauziah, I, Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S.M, Zaizul, R., Wan Azreena 2012).

Penulis	Pendekatan Psikologi Dakwah Terhadap Ibu Bapa (Penafian)	Ulasan
(Sarnon, N., Mohamad, M. S, Fauziah, I, Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S.M, Zaizul, R., Wan Azreena 2012)	Bagi keluarga yang di tahap penafian (<i>denial</i>), keluarga memerlukan pertolongan luar seperti pekerja sosial, kaunselor mahupun individu yang boleh membantu untuk melakukan perubahan supaya penyelesaian kepada masalah menjadi lebih berkesan.	Kaunselor, Pekerja sosial mahupun individu boleh membantu keluarga di tahap penafian (<i>denial</i>) ini untuk melakukan perubahan supaya penyelesaian kepada masalah yang berkesan.
(Aisyah Binti Abdullah 2017)	Fasa penafian atau ketidakpercayaan terhadap situasi sebenar yang berlaku dalam keluarga. Seterusnya, keluarga akan melahirkan perasaan marah terhadap ahli keluarga yang lain.	Keluarga akan melahirkan perasaan marah terhadap ahli keluarga yang lain di Fasa penafian atau ketidakpercayaan terhadap situasi sebenar yang berlaku dalam keluarga.

Sering Menyalahkan Diri

Waktu usia kecil sehingga melonjak remaja, anak lazimnya sukar mengawal atau menguruskan emosi, terutama apabila berdepan

pelbagai situasi luar jangka. Ada juga, satu kesilapan kecil yang dianggap remeh oleh ibu bapa atau masyarakat sekeliling boleh mencalarakan emosi anak sehingga mengganggu kehidupan mereka. Dalam era moden kini, ibu bapa perlu lebih peka dan tahu jika anak dalam situasi malu atau bersalah. Ini penting kerana, jika ibu bapa gagal mengenal pasti keadaan, mereka mungkin menambahkan lagi beban perasaan anak-anak.

Ini adalah kerana ada di antara mereka yang bertindak melepasi batasan, anak tidak akan mampu untuk undur kembali dalam zon positif dan kekal negatif dan wujud perasaan dendam kepada ibu bapa. Sebagai contoh, kalau anak mengecewakan ibu bapa, tidak dapat keputusan peperiksaan yang baik atau rasa bersalah atas sesuatu perkara, ibu bapa kena hormati perasaan mereka. Beri sokongan dan galakan kepada perasaan itu. Keadaan itu akan buat mereka berada dalam zon positif.

Tapi, jika ibu bapa bertukar jadi geram dan marah, melempar pelbagai tuduhan seperti malas belajar, tidak mengikut peraturan dan sebagainya, itu boleh membebankan perasaan dan jiwa anak sehingga mereka bergerak ke zon negatif kerana itu ibu bapa seharusnya diterapkan kemahiran yang bersesuaian dalam mendalami perkembangan emosi dan tingkahlaku anak-anak.

Ibu bapa yang sering menyalahkan diri sendiri merasakan tidak sempurna apabila anak terlibat dengan dadah seharusnya dibantu untuk mencari usaha jalan keluar ini. Bantuan ini mudah jika ibu sedia dan redha dengan bantuan di luar sana dan ia akan menjadi lebih mudah. Rasa bersalah ini bagus jika ada usaha, namun parah jika terus menyalahkan diri dan kekal murung tiada usaha berbuat apa-apa.

Peringkat menyalahkan diri sebagai ibu bapa yang mempunyai anak penagih dadah ini sebenarnya boleh berlaku kepada sesiapa sahaja. Ibu bapa menghukum diri atau menyalahkan diri sendiri merupakan permasalahan emosi yang berlaku kepada setiap orang (Redovan Jamil 1967). Sifat menyalahkan diri ini kemungkinan tidak disedari oleh ibubapa. Kesalahan ini sering terjadi di kalangan ibu bapa sama ada dalam sedar mahupun tidak sedar ketika anak-anak di sisinya iaitu menyingkir seseorang daripada dekati diri kepadanya sehingga menyebabkan emosi mereka terganggu (Hay et al. 2015).

Penulis	Pendekatan Psikologi Dakwah Terhadap Ibu Bapa (Menyalahkan Diri)/Menghukum Diri	Ulasan
(Redovan Jamil 1967)	Aspek emosi merupakan permasalahan yang penting karena tidak terlepas dari diri setiap tokoh. Penggambaran tersebut meliputi aspek emosi misalnya, yang meliputi rasa bersalah, rasa bersalah yang dipendam, menghukum diri sendiri, rasa malu, kesedihan, kebencian dan cinta.	Menghukum diri atau menyalahkan diri sendiri merupakan permasalahan emosi yang berlaku kepada setiap orang.
(Hay et al. 2015)	Membuang merupakan mencampak atau menyingkirkan seseorang itu daripada dekati diri kepadanya dan mendedahkan ialah membiarkan atau mendedahkan seseorang itu daripada ancaman-ancaman yang membahayakan dirinya sehingga menyebabkan emosi terganggu. Berdasarkan keempat-empat jenis perbuatan ini, kesalahan ini sering terjadi di kalangan ibu bapa sama ada dalam sedar mahupun tidak sedar ketika anak-anak di sisinya.	Kesalahan ini sering terjadi di kalangan ibu bapa sama ada dalam sedar mahupun tidak sedar ketika anak-anak di sisinya iaitu menyingkir seseorang daripada dekati diri kepadanya sehingga menyebabkan emosi mereka terganggu.

PENUTUP

Masalah penyalahgunaan dadah di dalam ahli keluarga memberi kesan yang buruk kepada ahli keluarga khususnya kepada ibu bapa. Kesan tersebut bukan sahaja berbentuk fizikal malah juga melibatkan aspek psikologi yang akhirnya melahirkan tindakan atau kelakuan yang tidak membantu ibu bapa untuk menangani permasalahan yang sedang mereka hadapi. Antara kesan yang mencetuskan emosi buruk kepada ibu bapa penagih ialah seperti kurang motivasi, perasaan malu, penyesalan, penafian dan menyalahkan diri. Perkara ini bukan sahaja menjadikan ibu bapa terpaksa menghadapi tekanan perasaan, bahkan membantut usaha pemulihan atau rawatan anak-anak mereka daripada penagihan yang sedang mereka hadapi. Justeru, semua pihak yang berkenaan seperti AADK, NGO, pendakwah, kaunselor dan lain-lain perlu mendekati golongan ibu bapa seperti serta membimbing mereka supaya mampu mencari jalan membantu anak-anak mereka keluar daripada lembah penagihan dadah.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Tiada.

RUJUKAN

- AADK. 2019. Maklumat Dadah 2019.
- AADK, K. 2008. Pelan Strategik 2015-2020. *Laporan dadah Jan-Disember 2008*.
- Abu Hassan, N. & Abd. Hamid, M. A. 2017. Kepentingan Peristiwa Pencetus Dalam Transformasi Perspektif Bekas Penagih Dadah. *Sains Humanika* 9 (1-5): 93-99. doi:10.11113/sh.v9n1-5.1182
- Aisyah Binti Abdullah. 2017. Satu Kajian Kes Tentang Penglibatan Keluarga Mengendalikan Bekas Penagih Dadah Di Negeri Sembilan. Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris 1576-1580. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (bimbingan dan kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia ,
- Anuar Bin Puteh. 2001. Perkembangan dan pembentukan remaja menurut perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, Jld XIX, No.2, Disember 2001: 93.
- Arbuckle. 1965. Supervision: Learning, not counseling. *Journal of Counseling Psychology* 12 (1): 90-94.
- Curtis, Alexa C. 2015. Defining adolescence. *Journal of Adolescent and Family Health* 7 (2): 1-39.
- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. 2017. Melentur buluh biarlah waktu rebung. Utusan Malaysia.
- Fariza Md Sham, A. M. N. 2015. Pendekatan Psikologi Dakwah Dalam Menangani Remaja Berisiko: Fokus Pendekatan Bimbingan Jiwa *Jurnal Hadhari: An International Journal* 7(2): 63-73.
- Ghazālī, D. H., Wazir, R., Usman, A. H., Salleh, N. M., Sudi, S., Hadi, A. & Rosman, S. Z. 2020. Pencegahan dadah golongan berisiko menurut pendekatan psikospiritual al-Ghazālī (W . 505 H .)
- Ghazalli, F. S. M., Ghani, N. A., Abdullah, B., Chik, W. M. Y. W. & Zakaria, M. A. 2018. Cabaran Keluarga Dalam Membantu Pemulihan Penagih Opiat. *Asian People Journal (APJ) eISSN* 1(1): 1-11.
- Goldenberg, Daniel, Ayesah, Suhail, Schneider, Tamar, Pappo, Orit, Jurim,

- Oded, Eid, Ahmed, Fellig, Yakov, Dadon, Tikva, Ariel, Ilana, De Groot, Nathan, Hochberg, Abraham & Galun, Eithan. 2002. Analysis of differentially expressed genes in hepatocellular carcinoma using cdna arrays. *Molecular Carcinogenesis* 33(2):113–24.
- Hay, T. O. M., Jones, L., Cross-cultural, J., Children, F. S., Children, S., Ramzi, M., Daro, D., et al. 2015. Kecuaian dan Pengabaian Kanak-kanak oleh Ibu Bapa : Kedudukannya di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan Prinsip Syariah Child Act 2001 and Syariah Principles). *Young* 14(1): 37–50.
[http://muse.jhu.edu/content/crossref/journals/the_journal_of_individual_psychology/v070/70.1.garza.html%0Ahttp://dx.doi.org/10.1016/S0140-6736\(14\)61132-6](http://muse.jhu.edu/content/crossref/journals/the_journal_of_individual_psychology/v070/70.1.garza.html%0Ahttp://dx.doi.org/10.1016/S0140-6736(14)61132-6)
- Ismail, R. 2017. Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja. *Akademika* 87(01): 7–16. doi:10.17576/akad-2017-8701-01
- Kamus Dewan. 2014. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Khairunneezam Bin Mohd. Noor, Amin Al Haadi Bin Shafie, Mohamad Isa Bin Amat, Adam Fariz Bin Mohd. Zain, Abd. Halim Bin Mohd. Husin, Mohd. Rushdan Bin Mohd. Jailani & Mohd. Rafidi Bin Jusoh. 2015. Tahap Perubahan Klien Selepas Menjalani Rawatan, Perubatan Dan Pemulihan Di Klinik C&C1M. *International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)* (Prevent): 83–97. Retrieved from [http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/14897/1/Bab 10 Tahap Perubahan Klien Selepas Menjalani Rawatan%2C Perubatan Dan Pemulihan Di Klinik C%26C1m.pdf](http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/14897/1/Bab%2010%20Tahap%20Perubahan%20Klien%20Selepas%20Menjalani%20Rawatan%20Perubatan%20Dan%20Pemulihan%20Di%20Klinik%20C%26C1m.pdf)
- Logan, Robert & Tandoc, Marlie. 2018. Thinking in Patterns and the Pattern of Human Thought as Contrasted with AI Data Processing. *Information*. Vol. 9, Issue 83. 2-15.
- Mahmood N. M. 2004. ‘Kumpulan Sokongan Keluarga, (Family Support Group, FSG) dan Pemulihan Berterusan.’ *CWL Publishing Enterprises, Inc., Madison*, hlm. Vol. 2004, 352. Retrieved from <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1002/cbdv.200490137/abstract>
- Manap, J. & Baba, S. 2016. Al-Ghazali’S Parenting Skills Attributes Model. *Jurnal Hadhari* 8(1): 113–131. Retrieved from http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/53883/8.pdf
- Mufatihatur Taubah. 2016. Pendidikan Anak Dalam Keluarga Perspektif Islam Mufatihatur Taubah (Dosen STAIN Kudus Prodi PAI). *JUrnal Pendidikan Agama Islam* 3(1): 109–136. Retrieved from <http://jurnalpai.uinsby.ac.id/index.php/jurnalpai/article/view/41>

- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Siti Salwa Jamaldin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. 2017. Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4(2): 89–97.
- Norazleen Mohamad Noor & Nurafifah Kamarudin. 2015. Kerinduan Atau Ketagihan Terhadap Dadah: Punca Belia Kecundang Dan Kembali Menagih. *International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)* (Prevent): 200–215. Retrieved from [http://ddms.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/14908/1/Bab 21 Kerinduan Atau Ketagihan Terhadap Dadah Punca Belia Kecundang Dan Kembali Menagih.pdf](http://ddms.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/14908/1/Bab%2021%20Kerinduan%20Atau%20Ketagihan%20Terhadap%20Dadah%20Punca%20Belia%20Kecundang%20Dan%20Kembali%20Menagih.pdf)
- Redovan Jamil. 1967. Emosi Tokoh Utama dalam Kumpulan Cerpen Jatuh Cinta Adalah Cara Terbaik Untuk Bunuh Diri Karya Bernard Batubara. *Angewandte Chemie International Edition* 6(11): 951–952. 12080058.
- Rezki Perdani Sawai Syaidatun Nazirah Abu Zahrin Sidek Mohd Noah Rumaya Juhari Steven Eric Krauss. 2019. Akhlak Percintaan Dan Rasa Malu 18(May): 81–93.
- Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi & Syamim Zakwan Rosman. 2020. Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* 5(2): 415–424.
- Salim, A. 2018. Peran Dan Fungsi Dai Dalam Perspektif Psikologi Dakwah. *Al-Hikmah: Media Dakwah, Komunikasi, Sosial dan Budaya* 8(1): 92–107. doi:10.32505/hikmah.v8i1.401
- Sarnon, N., Mohamad, M. S, Fauziah, I, Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S.M, Zaizul, R., Wan Azreena, J. 2012. Hamil luar nikah: memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 7(1): 121–130.
- Zarina Muhammad, Akmaliza Abdullah & Ratna Roshida Ab Razak. 2019. Sifat Malu Dalam Kerangka Akhlak Melayu. *Jurnal Hadhari* 11(2): 231–244. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/78378692.pdf>
- Zulkhairi Ahmad & Mahmood Nazar Mohamed. 2007. Keberkesanan Program Kaunseling Perspektif Penghuni Pusat Serenti. *Journal Antidadah Malaysia* 1(2): 13–28.

Senarai Pengarang:

Mohd Farid Mohamad Japeri (Penulis Penghubung)
Calon Sarjana
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi,
Selangor.
E-mel: faridjaperi@gmail.com

Dr. Abu Dardaa Mohamad
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi,
Selangor.

Dr. Khazri Osman
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi,
Selangor.